



Jilid 1, 2011

Informika **JURNAL**

peradaban informasi dan ilmu

Tema : Perpustakaan Pemangkin Peradaban

INFORMIKA

JILID 1, 2011

Penerbit

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Sidang Editor

Shaharom TM Sulaiman (*Ketua*)
Wan Ab. Kadir Wan Dollah (*Timbalan Ketua Editor*)

Editor Pelaksana

Hasnah Hashim
Husain Hashim
Mohd Jailani Paiman
Mohamad Noorman Masrek
Mohd Sazili Shahibi
Siti Arpah Noordin
Zulkefli Mohd Yusop

Editor

Prof. Dr. Adnan Jamaludin – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Dr. Hj. Laili Hj. Hashim – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Fuziah Mohd Nadzar – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Dr. Rusnahan Johare – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Dr. Sohaimi Zakaria – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Dato' Dr. Raja Abdullah Yaacob – *Universiti Teknologi MARA*

Editor Perunding

Prof. Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar – *International Institute of Advanced Islamic Studies Malaysia*
Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan – *Universiti Pendidikan Sultan Idris*
Prof. Dr. Ding Choo Ming – *Universiti Kebangsaan Malaysia*
Prof. Madya Dr. Abu Hassan Hasbullah – *Universiti Malaya*
Dr. Roosfa Hashim – *Universiti Kebangsaan Malaysia*
Dr. Wan Ali Wan Mamat – *Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

Alamat Penerbit

Kampus Puncak Perdana,
40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
(Tel.: 03-7962 2020 Faks.: 03-7962 2007)

Harga: RM20.00 (Malaysia)
USD20.00 (Luar Negara)

INFORMIKA
JILID 1, 2011

Kandungan

Perpustakaan Pemangkin Peradaban <i>Abu Hassan Hasbullah</i>	1-12
Perpustakaan Pemangkin Peradaban di Dunia Barat dan Melayu: Dulu, Kini dan Kelak <i>Ding Choo Ming</i>	13-26
Perkembangan dan Cabaran Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam Pendidikan dan Latihan Pustakawan dan Profesional Maklumat <i>Adnan Jamaludin dan Shamsul Kamal Wan Fakeh</i>	27-36
Kredibiliti Maklumat Digital dari Internet <i>Mohd Sazili Shahibi, Hasnah Hashim, Juwahir Ali dan Muhamad Khairul Nizam Zaini</i>	37-44
Keberkesanan Institusi Masjid dalam Penyebaran Ilmu dan Maklumat: Satu Kajian Kes <i>Rosnita Sahrani, Imilia Ibrahim dan Valentino Abu Bakar</i>	45-52
Epistemologi Ilmu dalam Islam: Asas Falsafah Pengurusan Ilmu dan Maklumat <i>Yaacob Yusoff Awang dan Mohd Zafian Mohd Zawawi</i>	53-62
Pengurusan Rekod dan Undang-Undang <i>Abdul Rahman Ahmad, Khairul Mizan Taib dan Ahmad Nazri Mansor</i>	63-74
Pengurusan Risiko dalam Pengurusan Rekod Elektronik <i>Azman Mat Isa dan Aliza Ismail</i>	75-90
Perkhidmatan Maklumat Atas Talian Melalui Aplikasi Web 2.0 <i>Zulkifli Mohd Yusop, Yamin Kamis dan Hasnah Hashim</i>	91-102
Faktor-faktor Kesedaran Terhadap Perpustakaan Digital di Institusi-institusi Pengajian Tinggi di Malaysia <i>Razilan A. Kadir, Wan Ab. Kadir Wan Dollah, Mohd Sazili Shahibi dan Diljit Singh</i>	103-120
Aplikasi Elemen Pemikiran Saintifik dalam Pengajian Syariah: Satu Pendekatan <i>Rahimin Affandi Abd Rahim, Alias Azhar, Mohd Kamil Abd Majid dan Nor Hayati Md Dahlal</i>	121-136
Kompetensi untuk Profesional Maklumat di Zaman Masyarakat Bermaklumat <i>Ahmad Azman bin Mohamad Ramli</i>	137-146
Keterpesonaan Terhadap Perpustakaan: Belajar dari Catatan Sejarah <i>Shaharom TM Sulaiman dan Wan Ab. Kadir Wan Dollah</i>	147-149

Suggested Cataloguing-in-Publication Data

Informika: Jurnal Peradaban Informasi dan Ilmu

Vol. 1 (2011) -

Shah Alam: Fakulti Pengurusan Maklumat

ISSN 2231-7104

1. Library science - Periodicals.
2. Library science - Malaysia - Periodicals.
3. Library science - Developing countries - Periodicals. I. FPM II. Z671

@ 2011 Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM

Pendapat dalam makalah yang disiarkan tidak semestinya mewakili pendapat Editor jurnal ini atau pengurusan pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.

INFORMIKA

JILID 1, 2011

Iftitah Editor

Para pemikir dan futuris telah pun meramalkan dan akan terus meramal, bahawa abad ini dan abad mendatang akan diwarnai oleh informasi. Inilah abad yang dilabel *information revolution*, *information exchange*, *information as commodity* dan berbagai lagi slogan berkaitan yang merentas peradaban manusia.

Peradaban manusia diwarnai oleh ilmu dan informasi yang bermakna, yang memberi erti kepada peradaban itu sendiri. Dalam peradaban ini, penguasaan ilmu dan informasi menjadi aktiviti utama sama ada pengurusan, perolehan, pengumpulan, penyebaran, penyusunan, dan apa sahaja yang memberi erti informasi berguna kepada masyarakat dan peradaban itu sendiri.

'*Informika*' lahir dari keinginan besar untuk memberi makna kepada ilmu dan informasi yang manfaat kepada masyarakat, sarjana, intelektual, pustakawan, pekerja ilmu, pekerja maklumat dan karyawan. Pokoknya, segala profesi dan bidang kerjaya maklumat ilmu dan informasi mendapat tempat yang sewajarnya. '*Informika*' berminat dengan segala permasalahan ilmu dan informasi. Atau dengan kata lain, jurnal ini ingin membuka seluas-luasnya gerbang ilmu dalam sains informasi kepustakawan, pengurusan sistem dan rekod, dunia buku dan penerbitan, manuskrip dan koleksi khas, komunikasi dan media, hatta pengajian masa depan (*future studies*) turut mendapat tempat. Itulah hal-hal yang mewarnai peradaban informasi, yang telah dilalui, sedang dilalui dan akan terus dilaluinya. '*Informika*', berkeinginan besar untuk menjadi jurnal berwasit dunia informasi berbahasa Melayu yang dihormati, disegani di rantau DUNIA MELAYU ini.

Untuk itu, '*Informika*' mengundang para pemikir, sarjana, pustakawan, pakar maklumat, pakar media dan komunikasi, para penyelidik termasuk 'orang-orang kecil' yang berminat dengan '*Informika*' ini untuk menyumbang pandangan. Dengan kata lain, '*Informika*' berharap akan menjadi wadah dan suara bicara. Untuk itu, '*Informika*' sedia dikritik, ditegur kerana itu sebahagian dari proses yang akan mematangkan kelangsungan *Informika*: Jurnal Peradaban Informasi.

Dalam keluaran sulung ini, '*Informika*' memfokuskan tema 'Perpustakaan Pemangkin Peradaban'. '*Informika*' terpanggil untuk mengajak para pembaca menghayati kembali semangat leluhur sebuah tradisi yang telah sejak berabad dan berzaman mencemerlangkan dan mencerdaskan peradaban manusia tanpa henti dan jemu. Itulah sebuah tradisi mulia yang tidak pernah 'mati' dan akan terus 'hidup', iaitu sebuah tradisi bernama 'perpustakaan dan kepustakawan'.

Apa tidaknya, dalam 'rahim' perpustakaan, lahirlah pustakawan 'par excellence' sekaligus menjadi ilmuwan tersohor, saintis, matematikawan, failasuf. Nama-nama cemerlang seperti Musa Al-Khawarizmi, Al-Farabi, Mohammed Khatami, sebagai contoh, lahir dari tradisi gemilang tersebut. Mereka bukan pustakawan yang 'teknis' dan 'rutin' dengan kerja-kerja mekanistik maklumat tetapi seorang yang berilmu sekaligus seorang sarjana. Mana mungkin sebuah tradisi yang hebat hanya disertai oleh mereka yang tidak ada 'pilihan kerjaya', tidak mencintai ilmu, buku dan wacana tinggi. Dengan kata lain, kita memerlukan sebuah perspektif holistik dalam membentuk citra 'Pekerja ilmu' dan 'Pekerja Maklumat' yang mewarisi tradisi perpustakaan hari ini.

Perpustakaan sebenarnya adalah 'roh' peradaban. Kerana itulah dalam sejarah penaklukan dunia, bangsa Mongol membakar dan menjarah Perpustakaan-perpustakaan

di Baghdad, bangsa Rom menjarah Perpustakaan Iskandariah di Mesir, perpustakaan tertua dunia yang menyimpan jutaan 'papyrus' warisan leluhur manusia, bangsa Serb menjarah Perpustakaan Sarajevo yang menyimpan lima ribu manuskrip dalam bahasa Parsi, Arab, Russia dan Turki; kerana semua bangsa penakluk tahu untuk membunuh kelangsungan bangsa yang ditakluknya ialah dengan memusnahkan perpustakaan kerana di dalamnya terkumpul khazanah keintelektualan sesebuah bangsa. Itu cara terbaik untuk 'melenyapkan' sebuah bangsa dan identitinya. Perpustakaanlah yang memberi makna pada peradaban itu sendiri dan bukannya 'artifak', bangunan besar, kerana dalam perpustakaan tercermin segala khazanah kebijaksanaan, kebijakan, keilmuan dan keintelektualan manusia. Benarlah kata Samuel Johnson, seorang pemikir Amerika, '*No place affords a more striking conviction of the vanity of human hopes than a library*'. Esei oleh Abu Hassan Hasbullah dan Ding Choo Ming dalam keluaran sulung 'Informika' ini membuktikan dan merefleksikan kecemerlangan tradisi tersebut.

SELAMAT MEMBACA!

Perkembangan dan Cabaran Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam Pendidikan dan Latihan Pustakawan dan Profesional Maklumat

Adnan Jamaludin dan Shamsul Kamal Wan Fakeh

Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA,
Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
E-mel: adnanj@salam.uitm.edu.my

ABSTRAK

Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM), Universiti Teknologi MARA sejak kewujudannya telah melalui berbagai perkembangan dan cabaran di dalam konteks pendidikan dan latihan dalam bidang kepustakawan dan maklumat. Perkembangan ini berlaku adalah disebabkan oleh tanggungjawab yang diambil oleh FPM untuk memperkasa dan memartabatkan bidang tersebut selaras dengan perkembangan negara untuk menuju ke arah masyarakat berpengetahuan dan ekonomi maklumat. Di dalam menelusuri perkembangan ini, cabaran-cabaran yang dihadapi adalah berbagai. Artikel ini, membincangkan perkembangan-perkembangan dan cabaran-cabaran yang didepani oleh FPM selama kewujudannya dan aspirasinya untuk menjadi sebuah institusi kependidikan dan latihan yang bertaraf antarabangsa di dalam bidang kepustakawanan dan maklumat.

Kata kunci: *Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM; Pendidikan Kepustakawanan*

PENGENALAN

Pendidikan kepustakawanan dan maklumat di Malaysia bermula seawal 1955 dengan terbentuknya Malayan Library Group (MLG) (Lim, 1970). Memandangkan tiada sebarang usaha yang formal untuk menjalankan tanggungjawab melatih dan mendidik pustakawan dan profesional maklumat, maka MLG pada masa itu, telah menjalankan kelas-kelas kepustakawanan untuk mengisi kekosongan tersebut dan juga bertujuan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan kepustakawanan dan maklumat di negara ini (Kaba, 2001). Pendidikan formalnya cuma terbentuk di sekitar tahun 1968 apabila Institut Teknologi MARA (ITM), yang sekarang ini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA (UiTM), memperkenalkan program profesional di dalam bidang kepustakawanan yang membawa kepada peperiksaan dan akreditasi Library Association (United Kingdom). Kemudian di dalam 1973 dengan rasional untuk menyuntik elemen dan kandungan tempatan kepada latihan kepustakawanan dan profesional maklumat di negara ini, ITM telah mereka-bentuk dan memperkenalkan sebuah kurikulum baru diploma untuk latihan tiga tahun yang bersamaan taraf dengan ijazah sarjana muda am. Ini adalah merupakan pendidikan kepustakawanan dan maklumat profesional yang pertama di Malaysia. Perkembangan ini telah disusuli dengan beberapa lagi program pendidikan dan latihan oleh universiti-universiti awam yang lain di negara ini khususnya di peringkat pasca siswazah. Mutakhir, terdapat empat universiti awam dan sebuah universiti swasta di Malaysia yang menawarkan pendidikan yang berkaitan dengan kepustakawanan dan maklumat seperti yang tertera di bawah:

UNIVERSITI AWAM

- Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Universiti Malaya (UM)
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)

UNIVERSITI SWASTA

- Universiti Industri Selangor (UNISEL)

Tiga puluh sembilan tahun sudah berlalu semenjak Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) UiTM memulakan pendidikan dan latihan profesional di dalam bidang kepustakawan dan maklumat dalam tahun 1971. Perkembangan demi perkembangan telah berlaku dan cabaran demi cabaran telah dihadapi oleh FPM. Sementalaian profesion ini memasuki kurun ke 21, isu-isu dan cabaran baru timbul hasil daripada perkembangan terkini di dalam perkhidmatan kepustakawan dan maklumat disebabkan oleh pengguna-pengguna maklumat generasi baru yang mempunyai cara yang berbeda di dalam menggunakan sumber maklumat. Cabaran-cabarannya ini haruslah ditangani dan diselesaikan secara tuntas demi untuk memacu perkembangan yang drastik bagi profesion kepustakawan dan professional maklumat di negara ini. Di dalam konteks ini, FPM adalah sangat berperanan bukan sahaja kerana ianya merupakan universiti yang pertama menawarkan program kepustakawan dan maklumat secara profesional tetapi ianya juga adalah satu-satunya universiti yang menawarkan program yang cukup komprehensif dan menyeluruh yakni daripada program diploma, sarjana muda, sarjana dan sehingga ke tahap kedoktoran.

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM): PERKEMBANGAN DAN CABARAN-CABARANNYA

Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM merupakan salah sebuah fakulti yang paling awal diwujudkan di dalam UiTM. Bermula sebagai sebuah jabatan yang dinamakan sebagai jabatan Sains Perpustakaan di bawah Sekolah Pentadbiran Awam antara tahun 1968-1970, jabatan ini telah berkembang kepada status fakulti dalam tahun 1997 selaras dengan perkembangan di UiTM. Fakulti ini berbangga dengan kepelbagaiannya peringkat kependidikan dan latihan di dalam bidang kepustakawan dan maklumat dari diploma hingga ke ijazah kedoktoran. Ini telah menjadikan ia sebuah universiti yang paling dominan di dalam bidang tersebut berbanding dengan tiga buah lagi universiti awam dan sebuah universiti swasta di negara ini. Tidak keterlaluan juga jika dikatakan bahawa Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM merupakan salah sebuah fakulti yang terbesar di rantau Asia kalau dilihat dari aspek penghususannya.

Memandangkan profesion kepustakawan dan maklumat adalah berkait rapat dengan sumber maklumat dan ilmu pengetahuan yang dianggap sebagai sumber yang signifikan bagi perkembangan dan pembangunan ekonomi sesebuah negara, maka fakulti telah mengambil langkah yang proaktif di dalam memperkasakan profesion ini. Langkah-langkah yang strategik telah diatur dan dilaksanakan bagi meletakkan FPM sebagai pemimpin di dalam bidang tersebut di negara ini. Antara langkah-langkah memperkasakan ialah:

- **Penjenamaan Semula Fakulti**
- **Pembentukan Program-program Pendidikan dan Latihan yang Baru**
- **Pengambilan Kepelbagaian Bidang Staf Akademik**
- **Peningkatan Enrolmen Pelajar**
- **Kerjasama dengan Organisasi Dalam dan Luar Negara**
- **Mendapatkan Pengiktirafan Antarabangsa**
- **Menghasilkan Jurnal-jurnal Berwaspit di Dalam Bidang**

Bahagian seterusnya membincangkan dengan lebih terperinci lagi perkembangan yang tersebut di atas serta bentuk-bentuk cabaran yang dihadapi oleh FPM di dalam usaha untuk memartabatkan profesion kepustakawan dan maklumat di negara ini.

PENJENAMAAN SEMULA FAKULTI

Inisiatif untuk penjenamaan semula fakulti telah membawa kepada beberapa kali pertukaran nama sehingga nama Fakulti Pengurusan Maklumat diterima pakai sehingga ke hari ini. Bermula dengan Kajian Sains Perpustakaan dalam tahun 1971 dan kemudian bertukar menjadi Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat pada tahun 1979, nama fakulti ditukar sekali lagi kepada Fakulti Pengajian Maklumat pada tahun 1997 dan akhirnya kepada Fakulti Pengurusan Maklumat pada tahun 2005.

Siri pertukaran nama fakulti ini adalah kerana FPM ingin mencari identiti yang jelas untuk menyatakan elemen yang sebenarnya yang menjadi tanggungjawab fakulti, iaitu maklumat dan sumber yang berkaitan dengannya. Sumbang-saran yang dilakukan di antara kakitangan akademik fakulti serta nasihat daripada penasihat luar dengan melihat kepada perkembangan sejagat, maka Pengurusan Maklumat adalah nama yang dipilih bagi menyatakan identiti sebenar fakulti. Nama ini disepakati kerana ia lebih mencerminkan hakikat yang sebenarnya yang dipertanggungjawabkan ke atas bidang iaitu mengurus maklumat serta sumber yang berkait dengannya yang terdapat di dalam semua jenis organisasi. Nama ini juga diambil bagi mengelak pemahaman dan persepsi masyarakat yang selalu beranggapan bahawa profesion ini terikat dengan satu jenis organisasi sahaja iaitu Perpustakaan dengan Pustakawan dan Arkib dengan Arkivis.

Penjenamaan semula fakulti ini telah berhadapan dengan beberapa cabaran pada permulaannya. Pengurusan Maklumat sebagai suatu bidang adalah begitu baru di negara ini walaupun di dalam perkembangan sejagat, ia merupakan suatu bidang yang sangat signifikan di negara-negara maju seperti di Eropah dan Amerika Utara. Kerap kali berlaku kekeliruan di mana pengurusan maklumat disamakan dengan bidang sains komputer. Ini mungkin kerana bidang Pengurusan Maklumat banyak menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi untuk mengurus maklumat. Tetapi, teknologi-teknologi itu bukanlah elemen utama di dalam bidang ini sekira dibandingkan dengan elemen maklumat. Kepada bidang kepustakawan dan maklumat, komputer dan lain-lain teknologi komunikasi hanya digunakan sebagai alat untuk mengurus sesuatu maklumat itu. Justeru, bidang ini memberi penekanan yang utama kepada elemen maklumat kerana elemen maklumat itu wujud dahulu sebelum teknologi. Maka ini telah menimbulkan sedikit kekeliruan bukan sahaja di kalangan orang awam tetapi juga kadang-kadang di kalangan para pelajar di dalam bidang itu sendiri. Untuk mengatasi kekeliruan ini, penerangan telah dilakukan oleh setiap individu samada dari kalangan akademik atau dari kalangan pengamal bidang seperti Pustakawan, Pengurus Maklumat dan juga para Arkivis kepada mereka yang bukan di dalam bidang ini

melalui media massa atau melalui program-program promosi yang dibuat dari masa ke semasa. Mutakhir, masyarakat luar sudah mula mengenali bidang ini dan perbezaannya yang jelas dengan bidang sains komputer. Mereka juga sudah mula memahami bahawa bidang kepustakawan dan maklumat ini mempunyai berbagai cabang pengkhususan yang semuanya berteraskan maklumat.

PEMBENTUKAN PROGRAM-PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN YANG BARU

Di dalam konteks pembentukan dan penawaran program akademik dan latihan, Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM adalah merupakan fakulti yang paling komprehensif di dalam penawaran program pendidikan dan latihan di dalam bidang kepustakawan dan pengurusan maklumat. Mutakhir, fakulti ini menawarkan program-program akademik diperingkat diploma, sarjana muda, sarjana, dan kedoktoran seperti yang berikut (Malaysia. Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA, 2010)

PERINGKAT DIPLOMA

- **Diploma Pengurusan Maklumat**

PERINGKAT SARJANA MUDA

- **Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat (Kepujian)**
- **Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Sistem Maklumat (Kepujian)**
- **Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Rekod (Kepujian)**
- **Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Pusat Sumber Maklumat (Kepujian)**

PERINGKAT SARJANA

- **Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Maklumat**
- **Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan**
- **Ijazah Sarjana Pengurusan Pengetahuan**

PERINGKAT KEDOKTORAN

- **Doktor Falsafah Pengurusan Maklumat**

Kepelbagaiannya program pendidikan dan latihan yang diwujudkan oleh Fakulti Pengurusan Maklumat menunjukkan bahawa fakulti ingin mengambil tanggungjawab sebagai pemimpin kepada pendidikan dan latihan di dalam bidang kepustakawan dan maklumat. Kesemua program-program tersebut juga menunjukkan bahawa bidang kepustakawan dan maklumat mempunyai ruang lingkup pengkhususan yang luas yang merangkumi bukan sahaja maklumat sebagai sumber tetapi juga perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti sistem maklumat, rekod, dan pengurusan organisasi-organisasi maklumat seperti perpustakaan dan juga arkib. Mutakhir, bidang kepustakawan dan maklumat telah merentas dan mencakupi bidang pengurusan ilmu pengetahuan (*knowledge management*) yang mempunyai nilai ekonomi yang sangat tinggi kepada sebuah organisasi dan negara. Pengurusan ilmu pengetahuan adalah merupakan suatu bidang yang baru yang muncul berteraskan maklumat. Ia mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan bidang kepustakawan dan maklumat. Justeru, sebagai langkah yang proaktif, program pendidikan dan latihan untuk bidang ini juga diwujudkan oleh pihak fakulti dan merupakan program pendidikan yang pertama di negara ini.

Apakah pula cabaran-cabaran yang dihadapi oleh fakulti terhadap pembentukan kepelbagaian program-program pendidikan dan latihan ini? Cabaran yang paling besar sekali ialah pengiktirafan kepada bidang ini khususnya di sektor awam. Di sektor awam jawatan Pustakawan dan Pegawai Arkib adalah diiktiraf dan diletakkan di bawah skim Sosial (S). Dirasakan bahawa, memandangkan maklumat dan ilmu pengetahuan adalah merupakan suatu sumber ekonomi yang mempunyai nilai yang strategik kepada sesebuah organisasi dan negara, maka adalah wajar sekiranya bidang ini tidak diletakkan di bawah skim Sosial (S). Bidang ini pada hakikatnya bukannya berkaitan dengan sosial tetapi lebih menyentuh tentang keilmuan dan pengetahuan. Mungkin pada masa permulaannya, bidang ini dilihat sebagai demikian, tetapi perkembangan yang berlaku di dalam bidang ini sekarang tidak lagi dapat dilihat sebagai yang bersangkutan dengan sosial tetapi lebih kepada keilmuan dan pengetahuan yang membawa kepada nilai ekonomi dan nilai strategik.

Satu lagi cabaran yang dihadapi oleh bidang ini ialah bentuk jawatan-jawatan yang diwujudkan khususnya di sektor awam. Perkembangan dan kemajuan di dalam organisasi perpustakaan adalah begitu drastik sekali di mana teknologi maklumat dan komunikasi begitu banyak dimanfaatkan di dalam penawaran perkhidmatan perpustakaan dan maklumat. Sistem perpustakaan berkomputer, laman web, media sosial, teknologi Web 2.0, perpustakaan digital dan elektronik, perpustakaan "Ubiquitous", buku elektronik dan lain teknologi adalah perkara yang biasa di dalam perpustakaan sekarang ini. Pustakawan bukan lagi sahaja mengurus bahan-bahan buku tetapi juga mengaplikasi dan mengurus bentuk-bentuk teknologi tersebut untuk penawaran perkhidmatan. Justeru, ini memerlukan bidang tugas pustakawan yang lebih khusus dengan membawa nama yang lebih khusus selaras dengan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh pustakawan seperti Pustakawan Sistem ataupun Pustakawan Otomasi selain daripada jawatan Pustakawan yang generik yang telah sedia ada di bawah skim Sosial (S) di sektor awam (Malaysia. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, 2003). Dengan ini bermakna, organisasi perpustakaan memerlukan jawatan pustakawan yang khusus seperti yang disebutkan di atas tadi supaya ia dapat mencerminkan bidang tugas dan kemahiran sebenar pustakawan khusus itu.

PENGAMBILAN KEPELBAGAIAN BIDANG STAF AKADEMIK

Bidang kepustakawan dan maklumat adalah sebuah bidang yang merentas bidang-bidang yang lain. Ini adalah kerana sifat maklumat itu sendiri yang terdapat di dalam semua bidang-bidang ilmu seperti Undang-undang, Pengajian Islam, Perubatan, Perniagaan dan lain-lain bidang. Dalam hal ini, fakulti merasakan bahawa bidang kepustakawan dan maklumat yang lebih khusus yang menjurus kepada bidang-bidang tersebut perlu dibentuk dan dibangunkan seperti Kepustakawan Perubatan (Medical Librarianship), Kepustakawan Undang-undang (Law Librarianship), Kepustakawan Perniagaan (Business Librarianship) dan juga yang penting dengan perkembangan negara ini ialah Pengurusan Maklumat Islam ataupun Pengurusan Ilmu Islam. Untuk tujuan ini, fakulti telah mengambil staf-staf akademik yang pakar di dalam bidang-bidang ilmu tersebut dan diberi latihan di dalam kepustakawan dan maklumat untuk membolehkan mereka ini membangunkan program pendidikan dan latihan kepustakawan yang khusus untuk bidang-bidang tersebut.

Walaupun FPM telah berjaya mendapatkan pakar di dalam bidang-bidang yang tertentu, tetapi untuk mewujudkan kurikulum-kurikulumnya adalah sangat mencabar dan

sukar. Hal ini adalah kerana, masih tiada terdapat kurikulum yang boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan. Sebagai contohnya, Kepustakawan Perniagaan dan Perdagangan adalah suatu bidang yang sangat penting dan relevan untuk perkembangan negara ini. Walaupun demikian, bukannya sesuatu yang mudah untuk mereka-bentuk kurikulumnya yang mempunyai kandungan elemen tempatan. Begitu juga dengan Pengurusan Maklumat Islam di mana ianya merupakan bidang yang tidak pernah diwujudkan oleh mana-mana universiti sehingga ini mahu di dalam atau di luar negara. Namun demikian, fakulti masih berusaha untuk menghasilkan kurikulum di dalam bidang-bidang ini dan akan merealisasikannya dalam masa yang terdekat ini.

PENINGKATAN ENROLMENT PELAJAR

Fakulti Pengurusan Maklumat bermula dengan jumlah pelajar yang sangat kecil iaitu lebih kurang seramai 15 orang pelajar pada tahun 1971. Walaupun perkembangan enrolmen pelajar secara relatifnya agak perlahan dan lambat dalam tahun-tahun berikutnya, mutakhir, enrolmen pelajar adalah berjumlah seramai 3,500 orang yang berpusat di Kampus Puncak Perdana dengan empat kampus cawangan iaitu di Machang Kelantan, Merbok Kedah, Segamat Johor, dan Kota Samarahan Sarawak. Para pelajar ini mengikuti berbagai peringkat program pendidikan dan latihan di dalam bidang kepustakawan dan maklumat yang ditawarkan oleh fakulti.

Cabaran yang dihadapi oleh FPM terhadap enrolmen pelajar ialah kesukaran untuk mendapat calon-calon yang berminat untuk mengikuti program-program akademik dan latihan yang ditawarkan oleh fakulti. Hal ini mungkin disebabkan oleh bidang ini masih lagi baru dan tidak begitu difahami lagi oleh para pelajar lepasan sekolah. Namun demikian, pihak fakulti telah pun menjalankan aktiviti-aktiviti promosi di sekolah-sekolah melalui kaunselor-kaunselor sekolah kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Persekolahan Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. Mutakhir, hasil daripada promosi dan penerangan ini, fakulti telah mendapat kemasukan para pelajar yang agak ramai yang memilih untuk mengikuti program-program yang ditawarkan di Fakulti Pengurusan Maklumat.

KERJASAMA DENGAN ORGANISASI DALAM DAN LUAR NEGARA

Untuk menjadi sebuah institusi pendidikan dan latihan yang relevan dan cemerlang, kerjasama dengan organisasi-organisasi yang mempunyai kepentingan di dalam bidang ini adalah sangat penting. FPM telah mengambil pendekatan untuk menjadi lebih inklusif dan bukannya eksklusif seperti yang telah lalu. Dengan mengambil pendekatan ini, fakulti membuka kerjasama dengan organisasi-organisasi luar di dalam aktiviti-aktiviti yang bersangkutan dengan profesion ini. Organisasi-organisasi yang terlibat di dalam kerjasama ini ialah seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia, perpustakaan-perpustakaan akademik, perpustakaan-perpustakaan awam, dan beberapa perpustakaan khusus di organisasi-organisasi yang besar seperti Petronas Malaysia, Shell Malaysia dan Bank Negara Malaysia. Kerjasama ini telah mendarangkan banyak manfaat kepada kedua-dua belah pihak di dalam situasi menang-menang. Antara bentuk kerjasamanya ialah seperti Projek Budaya Membaca yang telah dijalankan bersama dengan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan di dalam konteks Perpustakaan Desa di bawah naungan Perpustakaan Negara Malaysia. Suatu lagi usahasama yang signifikan ialah di antara Perpustakaan Negara Malaysia di mana fakulti telah menjalankan siri-siri latihan kepada

sekumpulan pembantu-pembantu perpustakaan yang mengurus perpustakaan desa di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Kerjasama ini adalah sangat bermakna kerana ia telah membolehkan Perpustakaan Negara Malaysia menjayakan perkhidmatan perpustakaan desa di seluruh negara. Manakala dengan Shell Malaysia dan Petronas Malaysia pula, hubungan kerjasama adalah dalam bentuk pembangunan pelajar-pelajar di FPM.

Kerjasama di peringkat individu pula telah membawa kepada beberapa individu di kalangan staf akademik di FPM dilantik sebagai ahli-ahli lembaga pengarah dan lembaga penasihat di beberapa organisasi yang tersebut di atas. Perlantikan ini telah membuka jalan untuk kerjasama yang lebih luas lagi dengan organisasi-organisasi tersebut. Manakala di peringkat antarabangsa pula, FPM telah membuat kerjasama dengan organisasi seperti IFLA (International Federation of Library Associations), dan juga beberapa universiti yang menawarkan program yang sama seperti Nanyang Technological University Singapura dan universiti-universiti di negara Brunei Darussalam.

Di dalam konteks kerjasama ini, cabaran yang dihadapi oleh FPM adalah untuk mencari organisasi-organisasi luar negara yang sesuai yang mempunyai agenda yang sama di dalam konteks bidang kepustakawan dan maklumat. Sehingga kini, kerjasama yang dilakukan banyak yang bersifat program latihan dan penganjuran seminar bersama. Kerjasama dari aspek penyelidikan khususnya dengan organisasi luar negara masih belum menjadi kenyataan. Kerjasama penyelidikan adalah lebih bernilai untuk FPM dikenali di kalangan negara-negara luar dalam bidang yang sama. Suatu lagi bentuk kerjasama yang boleh dilakukan untuk manfaat bersama ialah pertukaran staf akademik dengan institusi pendidikan dan latihan dalam bidang yang sama di luar negara.

MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA

Pengiktirafan, khususnya di peringkat antarabangsa adalah sesuatu yang sangat bermakna kepada sesebuah institusi pendidikan dan latihan. Mutakhir, FPM sedang dalam usaha untuk mendapatkan pengiktirafan keahlian antarabangsa daripada CILIP iaitu kependekan bagi *Chartered Institute of Library and Information Professionals*. Memperolehi pengiktirafan daripada badan profesional sebegini akan menaikkan imej profesion kepustakawan dan maklumat di negara ini yang dipelopori oleh FPM sebagai sebuah institusi pendidikan dan latihan yang terulung dan terbesar di negara ini.

Cabaran di dalam mendapatkan pengiktirafan antarabangsa ini ialah berkaitan dengan dana. Sejumlah wang yang agak besar diperlukan untuk mendapatkan pengiktirafan ini dan yang lebih mencabar lagi ialah untuk mengekalkan pengiktirafan ini juga memerlukan dana. Adalah diharapkan bahawa pengiktirafan ini akan membawa nilai yang lebih daripada dana yang akan dilaburkan untuk mendapat dan mengekalkannya.

Berhubung dengan pengiktirafan, FPM mengharapkan sebuah badan profesional di dalam bidang ini perlu dibentuk di negara ini. Sehingga kini iaitu sudah hampir setengah abad profesion ini wujud di negara ini, masih tidak ada sebuah badan profesional untuk mengiktirafkan bidang kepustakawan dan maklumat. Pada hemat FPM, ini adalah sangat penting bagi tujuan memartabatkan profesion ini sama seperti profesion-profesion yang lain seperti profesion perundangan, perakaunan, dan kejuruteraan. Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) yang wujud sekarang bukanlah bersifat badan profesional

kerana tidak mempunyai tugas dan tanggungjawab seperti sebuah badan profesional (Persatuan Pustakawan Malaysia, 2010).

MENGHASILKAN PENYELIDIKAN DAN JURNAL BERWASIT

Menyedari bahawa FPM merupakan sebuah fakulti yang terulung dan perintis di dalam bidang kepustakawanan dan maklumat di negara ini, maka adalah sangat relevan untuk ia menghasilkan penyelidikan-penyelidikan dan melaporkan hasil penyelidikan tersebut di dalam jurnal berwasit khususnya yang diterbitkan sendiri oleh FPM. Aktiviti-aktiviti penyelidikan telah pun giat dijalankan oleh kakitangan akademik samada melalui dana penyelidikan yang disediakan oleh pihak Institut Pengurusan Penyelidikan, UiTM ataupun melalui biasiswa pasca siswazah yang berjaya diperolehi oleh kakitangan akademik untuk pengajian di peringkat sarjana penyelidikan dan kedoktoran. Mutakhir, FPM telah pun menerbitkan sebuah jurnal berwasit di dalam Bahasa Inggeris yang berjudul *Journal of Information and Knowledge Management* dan sebuah lagi jurnal yang akan diterbitkan di dalam Bahasa Malaysia yang berjudul INFORMIKA.

Dalam konteks ini, cabaran yang akan dihadapi adalah bagaimana untuk menggalakkan kakitangan akademik untuk terus menerus menghasilkan penyelidikan yang bermutu dan yang bertaraf dunia dan sekaligus menulis di dalam jurnal-jurnal berwasit. Di FPM, perkara ini sangat mencabar kerana tanggungjawab yang dipikul oleh para kakitangan akademik terhadap tugas syarahan. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu dilakukan demi untuk memperkasakan bidang dan FPM di peringkat serantau dan dunia.

KESIMPULAN

FPM telah menelusuri berbagai perkembangan dan cabaran di dalam usahanya untuk memertabatkan bidang kepustakawan dan maklumat. Dalam dekad-dekad yang mendatang, perkembangan dan cabaran yang akan berlaku di dalam bidang kepustakawanan dan maklumat memerlukan kepimpinan yang mempunyai visi yang jelas untuk memacu bidang ini ke tahap yang lebih tinggi samada kepimpinan di kalangan para akademik maupun di kalangan pengamal bidang.

BIBLIOGRAFI

- Kaba, A. (2001). 'State of library and information science education in Malaysia: A comparative study.' Paper presented at the *International Conference for Library & Information Science Educators in the Asia Pacific Region*, June 11-12, 2001, Petaling Jaya, Malaysia.
- Lim, E. H. T. (1970). *Libraries in West Malaysia and Singapore: A Short History*. Kuala Lumpur: University of Malaya Library.
- Malaysia. Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA. (2010). *Buku Kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda (Sains) Pengajian Maklumat (Kepujian), Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat, Pengurusan Sistem Maklumat, Pengurusan Rekod, Pengurusan Pusat Sumber Maklumat*. Shah Alam: Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA.

SUDUT BERITA

'A-LIEP 2011: Asia-Pacific Conference on Library & Information Education and Practice- Issues, Challenges and Opportunities' pada 22 – 24 Jun 2011 di Pullman Hotel Lakeside, Putrajaya.

Persidangan adalah anjuran bersama Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan didokong oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Merupakan persidangan antarabangsa kali ke empat yang menjadi saluran kepada para peserta berbincang, berkongsi dan membahaskan isu-isu dan cabaran dalam bidang Perpustakaan dan Sains Maklumat terutama di rantau Asia-Pasifik. Sejak tahun 2006, 2007 dan 2009 persidangan A-LIEP telah berlangsung di Singapura, Taiwan dan Jepun yang telah membawa kepada perubahan dan pembangunan setelah pelbagai isu diperbincangkan. Pada persidangan kali ini A-LIEP akan disertai oleh para ilmuan, penyelidik, pelajar, pekerja mahir dan individu yang berminat dalam bidang Perpustakaan dan Sains Maklumat melangkau sempadan antarabangsa bagi mewujudkan rangkaian pendidikan, kolaborasi, pertukaran idea, dan perkongsian maklumat melalui pembentangan kertas kerja, perbincangan dan pameran.

'World Congress of Muslim Librarians and Information Scientists 2011 (WCOMLIS)' pada 16 – 17 November 2011 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Persidangan ini adalah anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan kolaborasi Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Menjadi saluran kepada para pustakawan dan saintis maklumat Islam untuk membincangkan sebarang masalah berkaitan maklumat dalam dunia Islam.

LELUHUR PERPUSTAKAAN ISKANDARIAH

'The very name of the Bibliotheca Alexandrina conjures up the image of glorious past, of a shared heritage, not just between Greece and Egypt, nor even of the whole Mediterranean, but a shared heritage for all of humanity. For it was indeed at the Ancient Library of Alexandria that the greatest adventure of the human intellect was to unfold.

2300 years ago, Alexander the Great, Aristotle's pupils, brought his dream of culture and conquest, of uniting the world and launching a new era to the timeless land of Egypt. Alexander selected the site for a new capital: Alexandria. His successors in Egypt, the Ptolemies, built Alexandria and made it the intellectual capital of the world. Its lighthouse, the Pharos, was considered one of the seven wonders of ancient world. But a greater legacy was the Ancient Library of Alexandria. Launched in 288 BC by Ptolemy I (Soter) under the guidance of Demetrios of Phaleron, the temple to the muses, or Mouseion (in Greek), or museum (in Latin) was part academy, part research center, and part library. The great thinkers of the age, scientists, mathematicians, poets from all civilizations came to study and exchange ideas. As many as 700,000 scrolls, the equivalent of more than 100,000 modern printed books, filled the shelves. The library was open to scholars from all cultures. Girls and boys studies regularly at the Ancient Library.

On this very spot: Aristarchus was the first person to state that the earth revolves around the sun, a full 1800 years before Copernius. Eratosthenes proved that the earth was spherical and calculated its circumference with amazing accuracy, 1700 years before Columbus sailed on his epic voyage. Hipparchus established the first atlas of the stars and calculated the length of the solar year accurately to within 6.5 minutes. Callimachus the poet described the texts in the library organized by subject and author, becoming the father of the library science. Euclid wrote his elements of geometry, the basic text studied in schools all over the world even now. Herophylus identified the brain as the controlling organ of the body and launched a new era of medicine. Manetho chronicled the pharaohs and organized our history into the dynasties we use to this day. Zenodotus and the grammarians established the basics of literary scholarship with their meticulous definition of the Homerian text for the Iliad and Odyssey. And the list of great names and great achievement goes on and on.... Diophantes, Appolnius of Perga, Heron and visiting scholars such as Archimedes....They and many others were all members of that amazing community of scholars, which mapped the heavens, organized the calendar, established the foundations of science and pushed the boundaries of our knowledge. They opened up the cultures of the world, established a true dialogue of civilizations. Indeed, it was at the ancient Library of Alexandria that 72 specialists first translated The Old Testament from Hebrew into Greek (the famous Septuagint). Together these scholars promoted rationality, tolerance and understanding and organized universal knowledge. For over six centuries the ancient of Alexandria epitomized the zenith of learning, as later scholars, such Claudius Ptolemy and Dioscoredes built on that explosion of knowledge and added their contributions. To this day it symbolizes the noblest aspiration of the human mind, global ecumenism, and the greatest achievement of the intellect. The library completely disappeared over sixteen hundred years ago...but it continues to inspire scientists and scholars everywhere.

The Bibliotheca Alexandrina was located in at least three buildings; (i) the original Museum in the royal district of the city, (ii) the additional building mostly for book storage, located on the harbor, and (iii) the "daughter Library" located in the Serapeum, the temple to

Serapis, cult god of Alexandria. The Serapeum was located in the southwest part of the city, the popular quarter. The library disappeared slowly, suffering a slow decline from the time of Caesar and Cleopatra. Indeed, the first disaster was in 48 B.C, when the part of the library located at the harbor was accidentally set afire during the Alexandrian war of Julian Caesar. However, Marc Anthony gave Cleopatra the 200,000 scrolls of Pergamon, to make up for the losses. Yet, subsequent upheavals within the Roman Empire resulted in the gradual neglect and ultimate destruction of the library. Roman armies came to Alexandria to restore order several times between 200 and 300 AD, and it was on one of those occasions, (probably the campaign of Aurelius in 272 AD) that the entire royal quarter and the original Museum were destroyed. Christianity was brought to Africa through Alexandria by St. Marc in the first century AD, and it was followed by merciless and brutal persecution of the Christians by the Roman in the first three centuries. Persecution ceased with the conversion of Constantine the Great, but schisms erupted in the church. Tensions were running high and tolerant church fathers such Clement of Alexandria had to leave the city and his disciple Origen suffered much for his views. In 391 AD Emperor Theodosius issued a decree banning all religions other than Christianity and Christian Groups under Bishop Theodosius burnt the Serapeum in 391 AD. This was the end of the ancient library as a public institution. What remained were the scholars in uneasy co-existence with an increasingly militant Christian mob. Tragedy struck in 415 AD. Hypatia, daughter of Theon, last recorded scholar in Alexandria, herself the first woman in mathematics and astronomy, a Neo-Platonist philosopher and charismatic orator, was brutally murdered by the mob in 415 AD. She became the first martyr to science. Thus by 400 AD, the Library had vanished, and the era of Alexandria scholarship came to an end a few years later. It had thus disappeared over two centuries before the arrival of the Muslim Arab armies in 641 AD.

*But the memory of the ancient Library of Alexandria lived on. It continued to inspire scholars and humanists everywhere. Many dreamt of one day reviving the great Library...
(Ismail Serageldin, http://www.serageldin.com/ancient_Library.htm)*

PANDUAN PENULIS

Informika merupakan penerbitan tahunan bertujuan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- Untuk menggalakkan penyebaran pengetahuan dan idea dalam pelbagai disiplin berkaitan dengan peradaban informasi di kalangan akademia, sarjana, intelektual, pustakawan dan pekerja ilmu.
- Untuk membantu para akademia mengenangkan hasil karya mereka samada berbentuk penyelidikan, eseи, resensi buku dan seumpamanya.

Skop

Jurnal ini meliputi bidang-bidang berikut:

- Sains perpustakaan dan maklumat
- Pengurusan sistem maklumat
- Pengurusan rekod dan arkib
- Pengurusan pusat sumber maklumat
- Pengurusan pengetahuan
- Manuskrip dan koleksi khas
- Komunikasi dan media
- Pengajian masa depan (*Future studies*)
- Dunia buku dan penerbitan

Isi Kandungan

Jurnal ini mengandungi ruangan berikut:

- (a) Esei fokus
- (b) Esei umum
- (c) Nota penyelidikan/research in progress
- (d) Resensi buku
- (e) Rekayasaan (Esei yang menyarankan perubahan)
- (f) Refleksi (sekilas pandangan)

Kekerapan

Jurnal ini diterbitkan sekali setahun.

Tema Keluaran Akan Datang

Sentuhan Intelektual Membaca Karya-karya Besar.

Penghantaran Artikel

Sila hantarkan sesalinan artikel ke alamat penerbit atau e-mel kepada ***shaharom@salam.uitm.edu.my*** atau ***wkadir@salam.uitm.edu.my***. sebelum 15 Oktober 2011.